

## TEKNIK MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB DALAM KALANGAN BUKAN PENUTUR JATI DI IPTS DAN IPG

Fahed Maromar, Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Rezdaudin Ghazali  
Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Khairul Anuar Abu Othman,  
Mohd Aminudin Ab Rahman & Nur Fadilah Abdul Basit  
fahed@kuis.edu.my, mohdrofian@kuis.edu.my, redzaudin@kuis.edu.my  
salihinhafizi@kuis.edu.my, nurfadilah230990@gmail.com  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

### ABSTRAK

Kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing merupakan salah satu kemahiran melibatkan proses *output* yang mana seseorang individu perlu menggunakan semula terhadap pengetahuan bahasa untuk dituturkan. Kemahiran bertutur bersifat praktikal yang memerlukan persekitaran, motivasi dan keyakinan yang tinggi agar penguasaan kemahiran bertutur dapat dikuasai dengan baik. Justeru, kajian dijalankan bagi mengenalpasti punca dan kelemahan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab dan mengenalpasti keberkesanan sebelum dan selepas penggunaan teknik pengajaran kemahiran bertutur oleh pensyarah di IPTS dan IPG. Rekabentuk kajian berbentuk *mix metode* yang mana menggunakan soal selidik dan temubual sebagai instrumen kajian. Kajian melibatkan beberapa buah di IPG Kedah, Terengganu dan Bangi serta beberapa buah IPTS di Malaysia. Penggunaan teknik yang sesuai memainkan peranan yang penting bagi meningkatkan kemahiran bertutur bagi bukan penutur jati bahasa Arab. Oleh itu, setiap pelajar bukan penutur jati tidak boleh tidak perlu kepada mempraktikkan teknik yang dapat meningkatkan prestasi dalam berkomunikasi dalam bahasa Arab. Pada akhir kajian ini, dicadangkan satu teknik membantu bagi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab.

**Kata Kunci:** Teknik, Kemahiran Bertutur, Bukan Penutur Jati.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Kemahiran bahasa merangkumi kemahiran bahasa input iaitu kemahiran mendengar dan membaca. Manakala kemahiran bahasa output meliputi kemahiran menulis dan bertutur. Kemahiran bertutur adalah salah satu kemahiran melibatkan proses komunikasi diantara penutur dan pendengar dengan mengaplikasikan pengetahuan asas bahasa untuk meningkatkan keyakinan untuk bertutur dalam suatu bahasa. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan kemahiran bertutur yang ada pada tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana, dalam proses untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan prestasi kemahiran bahasa lisan ini memerlukan keyakinan yang tinggi disamping pengetahuan asas dalam menguasai sesuatu bahasa itu.

Didalam bidang pendidikan, strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik dalam meningkatkan kemahiran bertutur memerlukan latihan berinteraksi untuk komunikasi agar wujud nilai keyakinan untuk bertutur dengan baik dan berkesan. Menurut Azhar Muhammad (2012) pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada kemahiran komunikasi antara satu sama lain agar proses meningkatkan keyakinan untuk bertutur dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Selain yakin untuk berinteraksi, pengetahuan bahasa juga diambil kira sebagai elemen dalam meningkatkan kemahiran bertutur. Hal ini menunjukkan bahawa selain menyentuh keyakinan untuk berinteraksi dalam komunikasi aspek lain seperti pengetahuan bahasa menjadi faktor yang menyebabkan yakin untuk bertutur.

Pernyataan diatas disokong oleh hasil dapatan kajian Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah (2010) mendapati pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab di peringkat menengah menganggap kemahiran lisan bahasa Arab ini mudah, manakala pelajar yang menganggapnya susah adalah pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan asas bahasa Arab dapat meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan baik. Secara khususnya kemahiran komunikasi menjadi aspek yang amat penting dalam penguasaan bahasa Arab (Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily, 2007). Hal ini menyebabkan, para pelajar perlu berdaya saing untuk menunjukkan minat untuk berinteraksi dalam bahasa Arab.

Menurut Abdul Halim Mohamed (2009) kejayaan sesuatu kurikulum dapat dinilai dengan tahap kemahiran yang dimiliki oleh seseorang pelajar. Para guru matapelajaran bahasa Arab sepatutnya lebih menekankan kepada kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Ini kerana di Malaysia bahasa Arab dikategorikan sebagai bahasa asing atau bahasa kedua. Oleh itu, strategi pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua mestilah lebih tertumpu kepada kemahiran iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Para guru mestilah mahir dalam menggunakan kaedah yang sesuai untuk mengajar kemahiran bertutur supaya pelajar dapat memahami apa yang di ajarkan dan dapat menggunakan bahasa Arab dalam perbualan seharian.

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur dalam bahasa Arab berjalan lancar dan mencapai objektif, pelbagai aspek perlu diambil kira. Antaranya meliputi aspek aplikasi penggunaan bahasa, teknik pengajaran yang interaktif dan persekitaran yang kondusif dapat membantu meningkatkan keyakinan pelajar terutamanya dalam membentuk kemahiran bertutur yang diharapkan. Justeru, dalam usaha meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab teknik yang bersesuaian haruslah digunakan oleh para pelajar agar dapat menyumbang kearah peningkatan keupayaan berbahasa dengan lebih baik.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua mempunyai 4 peringkat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Menurut Jassem (2000) pelajar-pelajar Melayu di Malaysia yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua selalunya menghadapi kesukaran ketika mempelajari maharat al-“arba“a (kemahiran yang empat) iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bagaimanapun pelajar-pelajar di sekolah menengah agama sangat lemah dalam kemahiran bertutur bahasa Arab walaupun setiap hari didedahkan dengan bahasa Arab di dalam kelas. Para pelajar seolah-olah takut untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Masalah sukar bertutur dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar bukan sahaja berlaku di sekolah, malahan di universiti awam juga berlaku masalah sedemikian. Menurut mastura (2013) berdasarkan keputusan ujian kemahiran bahasa iaitu (*APT Skills Test*) di pusat asasi UIAM semester 2 2011/2012, didapati majoriti pelajar tidak Berjaya melepasi tahap 6 (band 6) dalam ujian maharat al-kalam (kemahiran bertutur). Oleh itu, adalah perlu untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh para pelajar dalam kemahiran bertutur bermula dari peringkat bawah lagi supaya masalah ini tidak berterusan hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut Rosni (2012) mendapati bahawa terdapat juga pelajar yang mempunyai pengetahuan di dalam tatabahasa Arab dan juga memperolehi kosa kata yang banyak namun tidak dapat menggunakan dan mempraktikkan di dalam pertuturan bahasa Arab. Hal ini berlaku disebabkan oleh pelajar kurang keyakinan diri untuk bertutur di dalam bahasa Arab, kelemahan di dalam pelaksanaan pedagogi bahasa Arab komunikasi dan juga terdapat pengaruh bahasa ibunda juga antara penyebab pelajar gagal untuk bertutur bahasa Arab dengan baik.

Kebanyakan pelajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) masih lemah di dalam penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab sedangkan pelajar-pelajar tersebut telah diberi pendedahan di dalam bahasa Arab sejak mereka berada di sekolah menengah lagi. Menurut Naimah dan Aini (2005) pelajar telah belajar bahasa Arab secara formal namun masih bermasalah untuk bertutur bahasa Arab dengan baik. Menurut Ab. Halim (2007) mengatakan bahawa pelajar lepasan IPTA tidak mencapai penguasaan berbahasa dengan baik walaupun mereka dari bidang pengkhususan bahasa Arab. Menurut Suraya (2011) pelajar melayu yang mengambil bidang pengkhususan bahasa Arab masih tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Menurut Azman Cik Mat & Goh Ying Soon (2010) penyebab utama pelajar tidak dapat menguasai pertuturan bahasa Arab dengan baik ialah kekurangan kosa kata menyebabkan berlakunya kelancaran untuk berkomunikasi di dalam bahasa Arab. Ashinida (2012) kebanyakan pelajar berasa kecewa, kurang keyakinan, takut dan malu sekiranya melakukan kesilapan sewaktu bertutur bahasa Arab bersama rakan.

Penekanan yang kurang terhadap aplikasi pertuturan menggunakan bahasa Arab di peringkat sekolah telah menyukarkan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan baik di

peringkat pengajian tinggi (Nor Shaifura, 2010). Para pelajar didapati kurang mempraktikkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di dalam dan luar kelas setelah memasuki intitusi pengajian tinggi (Ab. Halim, 2009), sedangkan penambahan pengetahuan asas tentang bahasa tersebut setelah beberapa tahun mempelajarinya seharusnya berupaya membantu pelajar bertutur dalam bahasa Arab. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah disebabkan mereka kurang bertutur dalam bahasa tersebut (Ashnida, 2012).

## **2.1 Objektif Kajian**

Di antara objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti permasalahan dan kelemahan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab di IPTS dan IPG.
- ii. Melihat sejauhmana penggunaan teknik pengajaran kemahiran bertutur yang sesuai oleh pensyarah di IPTS dan IPG.
- iii. Mencadangkan teknik yang sesuai dalam meningkatkan pedagogi kemahiran bertutur berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi.

## **2.2 Persoalan Kajian**

Antara soalan kajian yang ingin dijawab melalui kajian ini adalah:

- i. Apakah permasalahan dan kelemahan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab di IPTS dan IPG ?
- ii. sejauhmanakah penggunaan teknik pengajaran kemahiran bertutur yang sesuai oleh pensyarah di IPTS dan IPG ?
- iii. Apakah teknik yang sesuai dalam meningkatkan pedagogi kemahiran bertutur berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi?

## **2.3 Kepentingan Kajian**

Bahasa Arab merupakan bahasa yang sangat penting untuk dipelajari kerana bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran dan bahasa syurga. Di Negara Malaysia juga menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang penting sebagai alat berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa

Arab juga banyak digunakan secara meluas dalam bidang politik, sosial, kemasyarakatan dan bidang pendidikan. Bidang pendidikan memainkan peranan penting untuk memartabatkan bahasa Arab. Kajian ini akan mengenalpasti permasalahan dan kelemahan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab di IPTS dan IPG. Di samping itu, untuk melihat sejauhmana penggunaan teknik pengajaran kemahiran bertutur yang sesuai untuk digunakan oleh pelajar di IPTS dan IPG. Setelah mengenalpasti permasalahan dan kelemahan pelajar. Pengkaji juga ingin mencadangkan teknik yang sesuai dalam meningkatkan pedagogi kemahiran bertutur berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi.

### **3.0 KAJIAN LITERATUR**

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana berkaitan permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab rata-rata melaporkan bahawa kekurangan kosa kata merupakan faktor utama dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Hal ini menyebabkan banyak kajian berkaitan kosa kata dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi mengetahui pelbagai aspek permasalahan yang wujud bagi proses pemerolehan kosa kata. Namun begitu, kajian kosa kata tidak akan terhenti walaupun terdapat banyak kajian yang telah dilakukan.

Kenyataan ini disokong oleh beberapa kajian yang dijalankan oleh pengkaji tempatan. Di antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Ismail Muda (1999) dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa pelajar lemah dalam penulisan dan juga pertuturan menggunakan bahasa Arab dan beliau juga merumuskan bahawa kekurangan perbendaharaan kata menyulitkan pelajar menguasai bahasa. Dapatan kajian beliau selari dengan dapatan kajian Saifuddin Hussin (2002) pula terhadap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab oleh pelajar tingkatan tiga dari dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di negeri Melaka menunjukkan sebanyak 61.7 peratus pelajar yang melepasi batas minima penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab tingkatan 1,2 dan 3. Manakala kajian yang dilakukan oleh Sahabudin Salleh (2003) dan Rahim Ramly (2009) menyatakan mengenai masalah kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu yang mana pelajar belum mencapai target yang memuaskan dalam tahap penguasaan perbendaharaan kata.

Kajian para sarjana dalam bidang bahasa Arab menunjukkan tahap penguasaan kosa kata pelajar di Malaysia masih perlu diperbaiki. Saifuddin (2000) menyatakan tahap penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya di tingkatan tiga masih berada di tahap yang lemah. Perkara ini akan menjejaskan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Menurut Ridzuan (2006), kelemahan perbendaharaan kata merupakan salah satu faktor kegagalan pelajar Bahasa Arab.

Berdasarkan literatur, tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab masih dalam keadaan yang tidak memuaskan. Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik, pendedahan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab hendaklah diutamakan. Justeru itu, pembelajaran kosa kata adalah aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran bahasa asing (Nik & Asma', 2012). Menurut Tu'aimah (1989:194) membincangkan kepentingan pengajaran kosa kata dengan menegaskan bahawa pengajaran kosa kata dalam pengajaran bahasa merupakan asas utama dan keperluan dalam belajar bahasa kedua. Mohamad Nasir Omar (1996) menyatakan kepentingan menguasai kosa kata Arab dalam pengajaran bahasa Arab perlu diberi keutamaan kepada seseorang penutur ialah perkataan yang sering diguna-pakai dalam pertuturan sehariannya kerana perkataan ini akan membantu pelajar menguasai kosa kata mengikut tahap dan kepentingan masa. Justeru itu, secara tidak langsung proses penguasaan kosa kata bahasa Arab akan berlaku dalam keadaan yang tidak sukar untuk dikuasai dengan baik.

Nunan (1991) pula melihat bahawa kosa kata merupakan perkara yang penting dalam memperolehi bahasa kedua atau bahasa asing. Tanpa kosa kata yang luas, seseorang tidak akan dapat menggunakan struktur dan fungsi bahasa dalam komunikasi secara komprehensif. Kepentingan kosa kata ini diperjelaskan lagi oleh A'rif Karkhi Abu Khudhairi (1994) dalam bukunya yang berjudul "Ta'lim al-Lughat al-A'rabiyyat Li Ghairi al-A'rab: Dirasaat Fi al-Manhaj Wa Thuruq al-Tadris" (Pengajaran Bahasa Arab Bagi Penutur Bukan Arab Kajian Metod Dan Kaedah Pengajaran). Beliau menyentuh mengenai pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam dan telah membuat kajian pengajaran bahasa Arab di kalangan penutur Melayu di sekolah-sekolah tersebut. Beliau merumuskan bahawa perlunya kepada teknik baharu dan moden untuk mengajar bahasa Arab kepada penutur bukan Arab.

Jika dilihat perkembangan positif ini, meskipun pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah merentasi pelbagai peringkat bermula daripada peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi, proses pembelajaran bahasa Arab masih perlu menekankan aspek kemahiran berbahasa yang hakikatnya menjadi asas kepada pengajaran dan pembelajaran bidang bahasa. Oleh itu, dapat diperhatikan pada kajian-kajian seperti yang dijalankan oleh Abd Rauf Hassan Azhari (2005), Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2005), Zawawi Ismail, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Ala-Uddin Othman (2011), Ibtisam Abdullah dan Zamri Ahmad (2012), Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad dan Azman Che Mat (2013) serta banyak lagi kajian lain yang menjadikan aspek kemahiran berbahasa sebagai perkara utama yang dibincang untuk proses penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, kesalahan struktur bahasa atau penggunaan tatabahasa merupakan faktor kedua yang menyebabkan para pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing (Tanveer, 2007). Terdapat beberapa kesalahan struktur bahasa yang dilakukan oleh pelajar semasa bertutur dalam Bahasa Arab iaitu penggunaan yang salah bagi istilah idhafah, kata tunjuk, kata kerja, subjek dan predikat, kata nama am dan nama khas serta kesalahan morfologi (Azani, Azman & Mat Taib, 2012). Kesalahan struktur bahasa ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang penggunaan sesuatu prosedur tatabahasa atau pun morfologi dalam bahasa Arab. Masalah ini juga mungkin berlaku tanpa disedari dalam kalangan penutur kerana mereka kurang mengambil berat tentang penggunaan perkataan atau ayat bahasa Arab yang digunakan.

Selain itu, terdapat kriteria lain yang perlu dititikberatkan oleh para penyelidik berhubung dengan masalah kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing, iaitu tahap motivasi pelajar. Pada kebiasaannya, pelajar yang bermotivasi tinggi akan lebih berkeyakinan untuk bertutur dalam bahasa Arab kerana mereka akan dapat menangani sebarang masalah sewaktu bertutur dengan pelbagai cara yang tersendiri. Keyakinan yang tinggi dapat membantu penutur untuk menyampaikan mesej dengan lancar. Walaupun pelajar didapati mempunyai keinginan untuk memperbaiki kemahiran bertutur dalam bahasa kedua, namun, disebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan untuk berbuat demikian dan tidak tahu bagaimana menyampaikan idea, pendengar tidak dapat memahami apa yang diperkatakan (Songsiri, 2007).



Keyakinan diri yang tinggi dapat memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Hal ini terbukti dalam kajian yang melibatkan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kedua di mana pelajar yang percaya pada kebolehannya untuk bertutur akan lebih bermotivasi dan bersemangat untuk menzahirkan kebolehannya (Bouchareb, 2010). Sebaliknya, sikap negatif sesetengah pelajar yang mudah berputus asa dan malu dengan kelemahan diri akan mengakibatkan mereka hilang keyakinan diri dan berasa rendah diri untuk bertutur dalam bahasa Arab apabila dibandingkan dengan rakan-rakan yang lain (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010). Selain itu, tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah dalam kalangan pelajar IPTA juga dikaitkan dengan masalah dalaman ini iaitu kurang keyakinan diri apabila pelajar takut dan malu melakukan kesalahan, rasa rendah diri, kurang bersemangat dan takut ditertawakan oleh rakan (Ab. Halim, 2009).

Kesan daripada kurangnya motivasi, keyakinan diri dan perasaan malu untuk bertutur dalam bahasa asing, pelajar menjadi kurang berinisiatif untuk mempelbagaikan strategi komunikasi yang sesuai bagi menangani masalah yang dihadapi semasa berkomunikasi sehingga ada dalam kalangan pelajar yang lebih gemar menggunakan bahasa ibunda sebagai ganti kepada bahasa kedua ataupun mereka mengambil sikap berdiam diri sahaja (Alibakhshi & Padiz, 2011). Kaedah ini tidak banyak membantu pelajar untuk maju dalam kemahiran bertutur dengan pantas. Pelajar dapat membina keyakinan diri dengan manghalakan pemikiran mereka ke arah yang lebih positif dengan meyakini kebolehan diri. Manusia mudah mempercayai apa yang difikirkannya. Justeru, kepercayaan kepada diri sendiri tidak harus diabaikan dalam proses untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.

Meskipun terdapat pelbagai kajian terdahulu yang memperihalkan masalah bertutur dalam Bahasa Arab, namun, pada pandangan penulis, masalah yang dinyatakan tidak terperinci dan menyeluruh. Hal ini demikian kerana penjelasan yang dibuat lebih bersifat umum, sama ada di pihak penyelidik mahupun pendidik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam kemahiran bertutur Bahasa Arab. Dengan menggunakan teknik yang bersesuaian pelajar akan dapat menggunakan dan menguasai bahasa Arab dengan lebih baik.

### **3.1 Isu atau masalah pelajar belajar kemahiran bertutur bahasa Arab di peringkat IPT**

Perkembangan pengajaran bahasa Arab dapat dilihat dengan jelas dalam perkembangan pengajian Islam di institusi pondok. Bahasa Arab diajar sebagai bahasa utama untuk memahami ilmu-ilmu Islam dan juga memahami buku-buku rujukan Islam. Kemudian, bahasa Arab mula diperkenalkan di sekolah-sekolah agama dan harian biasa. Kini, pengajaran bahasa Arab menyaksikan perkembangan yang menggalakkan dengan adanya institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan kursus-kursus pengajian Islam dalam bahasa Arab dan kursus bahasa Arab sama ada untuk mendapatkan ijazah bahasa Arab atau kursus-kursus untuk kemahiran bahasa seperti kursus elektif bahasa (Rosni, 2009).

Banyak faktor yang mendorong ke arah ketidakupayaan pelajar menguasai kosa kata Arab dengan baik, antaranya kelesuan dan kegagalan guru dalam memilih pendekatan pengajaran yang tepat. Salah memilih pendekatan dan metod yang tepat secara langsung menyebabkan kegagalan pelajar menguasai kosa kata dengan berkesan.

### **3.2 Kesukaran dalam kemahiran bertutur**

Di dalam aktiviti pertuturan terdapat pelbagai jenis kesukaran. Kesukaran yang dihadapi pelajar dan tenaga pengajar perlu dikenal pasti agar kita dapat mencari jalan penyelesaian yang sepatutnya. Kesukaran-kesukran ini menimbulkan cabaran dan kesulitan kepada tenaga pengajar dalam melaksanakan proses pengajaran. Paul dan Eric (2000) menyatakan bahawa kemahiran bertutur lebih sukar kepada kebanyakan pelajar kerana proses bertutur berlaku dalam waktu yang sebenar dan melibatkan pelbagai kemahiran yang digandingkan secara bersama.

Gandingan kemahiran yang berlaku serentak ini menimbulkan kesulitan yang diistilahkan Brown (2001) sebagai kesinambungan. Oleh yang demikian, kesinambungan adalah kelancaran dalam bertutur. Kelancaran dalam pertuturan tidak terhad kepada kelancaran menyebut sesuatu perkataan dalam bahasa Arab tetapi ia melibatkan proses yang lebih rumit. Proses ini melibatkan perkaitan dan gabungan aspek kognitif dengan fizikal yang melalui sesuatu proses kesinambungan. Antara elemen lain yang menonjol dalam kelancaran ialah kadar penyampaian.

Salah satu sasaran dalam pengajaran bahasa pertuturan adalah untuk membantu pelajar cepat menerima dan menguasai pengajaran dengan merujuk kepada kelancaran mereka menuturkan.

Antara perkara lain yang menimbulkan kesulitan dalam penguasaan kemahiran bertutur ialah penggunaan singkatan dalam pertuturan bentuk, meringkaskan dan menggugurkan sebahagian perkataan dalam pertuturan. Pelajar yang tidak pernah belajar singkatan bahasa kadang-kadang boleh mengeluarkan pertuturan yang kaku dan percakapan yang kurang berkualiti. Ini sangat ketara disebabkan sifat semula jadi bahasa Arab yang berbeza dari aspek struktur bahasa ibunda (Amilrudin (2003).

Bailey (2005) mengatakan ramai pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa mendapati kemahiran bertutur lebih sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Brown (2001) menyifatkan kemahiran bertutur sebagai tanda aras (benchmark) kejayaan penguasaan sesuatu bahasa. Oleh itu, Luoma (2004) menyatakan kemahiran bertutur merupakan komponen penting dalam kurikulum bahasa.

Kelemahan yang timbul dalam pembelajaran bahasa Arab adalah disebabkan cara atau pendekatan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru. Kajian Ashinida Aladdin, Afendi Hamad dan Mohd Shabri Yusof (2004) mendapati guru-guru kurang menggunakan alat bantu mengajar seperti penggunaan komputer yang berada di tahap maksimum. Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak dan Mohd Amin Embi (2002); Abdul Halim (2005); Azhar, Hosen Marip dan Morsalin Pawi (2008) dalam kajian mereka, mendapati tenaga pengajar cenderung menggunakan kaedah pembelajaran yang berpusatkan kepada guru serta kurang penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam aktiviti kemahiran bahasa dalam kelas.

Begitu juga kajian Zawawi Ismail et al. (2011) menjelaskan antara sebab-sebab berlakunya kelemahan ini ialah sikap dan amalan guru dalam menggunakan teknik pengajaran, khususnya kemahiran bertutur yang tidak mengikut pendekatan komunikatif. Mereka hanya menggunakan beberapa teknik sahaja seperti teknik soal jawab, dengar ulang, korus, prosa, dan dialog. Dari

sudut sikap pelajar pula, kajian Syakirah (2004) mendapati mereka kurang berusaha mencari makna sendiri melalui kamus.

Dalam usaha memantapkan proses pengajaran bahasa, terlebih dahulu seorang pengajar bahasa harus mengenal pasti setiap isu dan permasalahan yang sering timbul sama ada yang berkaitan dengan bahasa yang diajar, situasi pembelajaran, isu yang berkaitan dengan pihak pelajar ataupun pihak pengajar sendiri (Abdul Rahim & Naimah 2004). Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran diukur dengan sejauh mana pencapaian pelajar terbabit. Ini kerana mereka adalah sasaran P&P. Keberkesanannya terletak kepada perubahan positif pelajar terhadap subjek yang dipelajari (Al-Muslim & Zamri Arifin, 2012).

### **3.3 Teknik pengajaran kemahiran bertutur**

Penggunaan teknik di dalam pengajaran kemahiran bertutur berdasarkan peringkat dan kemajuan pelajar sendiri. Ada teknik yang sesuai dilaksanakan diperingkat permulaan dan tidak sesuai dijalankan diperingkat pertengahan dan lanjutan. Teknik ini juga seharusnya diubahsuai berdasarkan kandungan sillabus (Loga Baskaran 1990) Loga Baskaran juga mengemukakan beberapa teknik yang boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran bertutur.

- a. **Teknik latih tubi mekanis:** Loga Baskaran (1990) membahagikan teknik latih tubi mekanis yang menggalakkan pelajar meniru sebutan yang didengarnya. Teknik ini akan menunjukkan perbezaan yang penting di dalam sesuatu bahasa. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian.
  - Pertama ialah latih mendengar dan mengulang. Ungkapan-ungkapan atau ayat-ayat yang betul dan baik akan diberikan untuk diulang-ulang oleh pelajar.
  - Kedua adalah latih tubi gantian (*Substitution Drills*). Teknik ini menggunakan ciri-ciri bunyi yang terdapat di dalam perkataan yang hendak ditukar atau digantikan oleh pelajar dengan menggunakan contoh-contoh atau perkataan-perkataan panggilan (*call words*) dalam Rajah 1. Guru akan menyebut perkataan di dalam senarai yang diberikan dan pelajar akan cuba untuk menuturkan perkataan yang berada dalam senarai perkataan yang digantikan bagi setiap perkataan yang diucapkan guru.

- Ketiga adalah latihan tubi penukaran (Transformation Drills). Teknik ini digunakan untuk melatih penukaran atau perubahan di dalam konteks. Contohnya dari satu bentuk ganti nama ke satu bentuk yang lain. Walau bagaimanapun teknik latihan tubi mekanis ini perlu dilaksanakan dengan mengambil kira bilik darjah sebagai konteks sosial atau dikenali sebagai persekitaran tiruan (Littlewood, 1978). Pelajar dan guru menurutnya mempunyai hubungan sosial antara satu sama lain. Struktur bahasa dan fungsi komunikatif tidak terikat pada situasi khusus. Penguasaan keduanya yang diperoleh di dalam bilik darjah dapat dipindahkan ke situasi-situasi lain.

Persekitaran kelas bahasa sebagai konteks sosial perlu dimanfaatkan. Littlewood (1978) menyenaraikan empat pendekatan untuk menjadikan persekitaran kelas sebagai konteks sosial. Pertama, bahasa yang ingin dipelajari perlu digunakan dalam pengelolaan bilik darjah. Ini menyediakan keperluan komunikatif yang kaya dalam bilik darjah. Kedua menggunakan bahasa asing sebagai pengantar pengajaran. Kemahiran komunikatif dapat berkembang dengan baik dalam situasi apabila bahasa ini dialami sebagai alat untuk mencapai sesuatu tujuan bukan bahasa. Ketiga ialah sesi perbualan atau perbincangan. Ia akan dapat mendedahkan pelajar kepada pengalaman, minat dan pendapat bagi melaksanakan interaksi komunikatif dan keempat menjalankan dialog dan main peranan berasaskan pengalaman sekolah. Ini akan dapat membantu pelajar memahami persekitaran dan mengatasi masalah-masalah dalam persekitaran tersebut.

b. **Latihan korus:** Teknik ini dilaksanakan dengan cara pelajar mengucapkan sesuatu secara serentak. Semua pelajar di dalam kelas perlu menyebut atau berlatih bersama atau sebahagian daripadanya boleh membuat latihan dahulu dan yang lainnya kemudian. Teknik ini memberikan latihan penuturan secara ajukan. Dengan cara ini, pelajar yang kurang yakin akan dapat menambahkan keyakinan mereka melalui pengulangan bentuk-bentuk ujaran secara kumpulan sebelum menyebutnya secara individu.

c. **Teknik berteriak (*Ripple technique*):** Melalui teknik ini guru lebih mudah mengesan pelajar yang membuat kesilapan dalam pertuturan. Ini dimulai dengan guru memilih seorang pelajar menyebut perkataan atau bunyi-bunyi yang diberikan, kemudian guru mengarahkan kepada seorang pelajar lain menyebut perkataan yang sama, dan kemudian kepada beberapa pelajar lain lagi, sehingga lima atau enam orang menyebut perkataan yang sama. Apabila

mendengar perbezaan penyebutan perkataan di antara lima atau enam orang pelajar itu guru dapat mengesan kesalahan-kesalahan yang timbul.

d. **Prosa:** Karangan-karangan atau perenggan prosa boleh dieksploitasi penggunaannya. Prosa ini boleh digunakan sebagai teks untuk bacaan lantang atau nyaring. Teknik ini menjadikan teks bahasa Arab sebagai asas kepada pengajaran kemahiran bertutur. Semua aktiviti yang dijalankan adalah berkaitan dan menjurus kepada memahami teks atau mengukuhkan pemahaman teks yang diberikan kepada pelajar.

e. **Teknik soal-jawab:** Teknik ini amat kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran, termasuk juga dalam pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur. Selain mudah dilaksanakan, teknik soal jawab adalah teknik yang secara langsung dapat menimbulkan interaksi guru-murid secara berkesan. Selain itu, teknik ini juga dapat digunakan untuk menanamkan konsep-konsep, keupayaan memberi pendapat, pandangan, komen dan sebagainya dengan menggunakan bahasa yang baik. Penglibatan pelajar juga boleh membina rasa percaya dan yakin pada diri sendiri.

f. **Latihan pengembangan atau peluasan:** Pelajar diberi satu ayat atau pernyataan dan mereka dikehendaki mengembangkannya dengan butir-butir yang lebih. Pelajar perlu lebih kreatif dan lebih berdikari dalam mengembangkan ayat penyata yang diberikan dengan menggunakan perbendaharaan kata serta struktur ayat tersendiri. Ini akan menjadikan pelajar lebih bebas dan kebolehan pelajar dapat ditingkatkan dengan lebih cepat.

g. **Latihan benar atau tidak benar:** Pelajar hanya dikehendaki menyebut sama ada ayat diberikan benar atau tidak benar. Interaksi yang berlaku antara pelajar dan guru bahasa Arab adalah sangat terhad. Keterbatasan ini menjadikan guru lebih mendominasi pengajaran dan menjadikan pengajaran dalam bentuk berpusatkan guru. Guru mempunyai peluang untuk mempraktikkan bahasa Arab tetapi pelajar mempunyai peluang yang sangat terhad.

h. **Latihan lanjutan:** Pelajar dikehendaki melanjutkan ayat-ayat yang diberikan dengan menambah satu ayat selepas satu ayat. Guru akan mengemukakan satu ayat mudah yang hanya mengandungi satu atau dua patah perkataan yang mengandungi maksud yang lengkap. Pelajar dikehendaki membuat penambahan kepada ayat mudah tersebut dengan membina

ayat seterusnya dan mengembangkan idea asal yang diberikan oleh guru. Penambahan akan dilakukan secara berterusan secara spontan dan ia berlaku secara terus menerus.

i. **Karangan berangkap:** Dalam karangan berangkap terdapat unsur-unsur bersajak pada pasangan perkataan seperti padi-tadi, kiri-diri dan sebagainya. Guru mengenal pasti perkataan yang mempunyai unsur sajak atau persamaan dalam suku kata dan guru meminta pelajar menyebutkan atau mengemukakan perkataan lain yang mempunyai persamaan pada suku kata yang dikemukakan terlebih dahulu oleh guru. Ia akan dapat memberikan latihan mengeluarkan perkataan secara spontan dan pelajar pastinya memilih perkataan yang sangat dekat dengan kehidupan mereka.

j. **Dialog (perbualan dalam lakonan dan cerita):** Pelajar akan diminta untuk mengulang kembali dialog secara ajukan, kemudian menghasilkannya sekali lagi dan akhir sekali melakonkannya. Teknik pengajaran cara ini pemusatan adalah kepada pelajar.

k. **Lakonan:** Teknik ini mengembangkan teknik dialog. Pelajar diberikan satu teks dengan watak-wataknya. Teknik ini akan menjadikan ciri-ciri sebutan dan supaya lebih menarik dan bermakna kepada pelajar.

Selain itu, pelbagai aktiviti boleh dikelolakan oleh tenaga pengajar dalam proses pengajaran untuk menambahkan lagi kemahiran lisan. Di kalangan pelajar. Aktiviti seperti ini menurut Darkin (1980) adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk membina kemahiran lisan mereka agar lebih cekap. Antara aktiviti<sup>2</sup> yang dicadangkan oleh Darkin ialah menghafal sajak, nyayian, atau ucapan membaca secara lisan, terjemahan, bersoal jawab, membaca dialog dan permainan bahasa.

Justeru, aktiviti kemahiran mendengar dan bertutur merupakan bentuk aktiviti yang membolehkan pelajar mengamalkan atau menggunakan bahasa dalam bidang komunikasi yang paling hampir dengan situasi kehidupan seharian. Oleh yang demikian, aktiviti tersebut juga boleh dijadikan rangsangan aktiviti lisan lanjutan di dalam kelas.

#### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan kepada dua jenis responden iaitu pelajar dan pensyarah. Instrumen yang

digunakan untuk pelajar ini terdiri daripada dua bahagian iaitu maklumat latar belakang, soal selidik mengenalpasti kelemahan pelajar bukan penutur jati menguasai kemahiran bertutur bahasa, dan Instrumen yang digunakan untuk pensyarah ini terdiri daripada dua bahagian iaitu maklumat latar belakang, soal selidik untuk melihat sejauh mana penggunaan teknik pengajaran kemahiran bertutur yang sesuai oleh pensyarah di IPTS dan IPG . Kajian ini juga menggunakan temubual berstruktur untuk menilai fakta, sikap atau pendapat daripada responden dengan menggunakan soalan-soalan berstruktur untuk dijawab. Pembentukan soalan temu bual berstruktur seperti pembentukan soal selidik. Justeru, kajian ini telah membina soalan temu bual berstruktur iaitu berkaitan dengan sejauh mana penggunaan teknik pengajaran kemahiran bertutur yang sesuai oleh pensyarah di IPTS dan IPG.

#### **4.1 Batasan Kajian**

- i. Kajian ini dijalankan di IPG dan IPTS yang terletak di Selangor, Kedah, Terengganu, dan Lembah Klang.
- ii. Sampel kajian terbatas kepada jumlah pelajar yang terlibat dalam proses pembelajaran bahasa Arab di IPG dan IPTS di seluruh yang terletak di Negeri Selangor, Kedah, dan Terengganu. Ini merupakan IPG dan IPTS yang ditawarkan subjek bahasa Arab.

#### **5.0 KESIMPULAN**

Kemahiran bertutur sangat penting untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar yang mempelajari matapelajaran bahasa Arab. Bahasa Arab juga perlu dikuasai dengan baik. Pengajar perlu memperkukuhkan lagi teknik pengajaran kemahiran bertutur untuk memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran bertutur dengan cemerlang.

Secara umum, kajian ini adalah dalam bentuk tinjauan. Metodologi kajian yang disarankan ini dapat menjelaskan bagaimana kajian dapat dilakukan dengan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Justeru, disini pengkaji telah membincangkan tentang kaedah bagaimana kajian ini dilaksanakan dengan memberi penekanan terhadap reka bentuk kajian, pemilihan populasi dan sampel, instrumen kajian, tatacara pengumpulan data, serta tatacara penganalisan data kajian.



## RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2007). Masalah komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4*.
- Ab. Halim Mohammad. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1).
- Abdul Halim Masnan. (2014). Amalan pedagogi guru prasekolah permulaan. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Amilrudin Ishak. (2003). Strategi komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu: satu kajian kes. Disertasi Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anida Abd. Rahim. (2003). Strategi pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu, MA thesis, Universiti Malaya, K. Lumpur.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah. (2012). Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan. *Asean of Journal Teaching and Learning Higher Education*. Vol. 2, July 2010, 46-58.
- Jassem Ali Jassem. (2000). Study on second language learners Arabic: An Error Analysis Approach. University Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamarudin Hj Husin. (1998). Pedagogi Bahasa: Perkaedahan. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Loga Baskaran. (1990). Pengajaran kemahiran bertutur. *Jurnal Dewan Bahasa April*. 260-264.
- Mastura Arshad. (2013). Penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM. *International Language for Communication Conference (ILCC 2013)* on 23<sup>rd</sup> -25<sup>th</sup> August 2013, 320-330.
- Muhammad, A., Jasmi, K. A., Mustari, M. I., Sackkani, S., & Ali, F. (2012). Kemahiran bertutur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (*International Seminar on Teacher and Islamic Education*) on 8-9 March 2012, 889-899.
- Naimah, A., & Aini, A. (Cartographer). (2005). Kajian tentang persepsi pelajar UiTM terhadap kepentingan bahasa ketiga di UiTM.
- Nor Shaifura Musilehat. (2010). The Effects of Arabic Teaching Methodology at SMAASZA.
- Noraini Idris. (2010). Penyelidikan dalam pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari and Amizan Helmi Mohamad, (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat, GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol. 13(2), 99-115.
- Sueraya Che Haron (2010). Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies among Selected Malay Learners: A Case-Study at the International Islamic University Malaysia (IIUM), Contemporary Issues in Education Research; Aug 2010; *ProQuest Education Journals*.
- Tamam Hassan. (1995). Manahij al-Bath fi al-Lughat. Dar al-Risalah.

- Tinggari, Saleh Mahjub. (2011). Istitatijiyat Taallum Maharah al-Kalam lada Darisin Maliziyin. *Majallah Dirasat Lughawiyah wa Adabiyah*. Vol. 2(1), 51-74. University Malaysia.
- Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily (2007). *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Azura Tarmizi Ahmad. (1997). *Ta'lim Maharat Kalam wa Ta'allumuha: Dirasah fi Madrasah Thanawiah Wataniah Diniyah*. MA thesis, Kuala Lumpur: Malaya University.
- Zawawi Ismail. (2008). *Penilaian pelaksanaan kurikulum kemahiran bertutur bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.